

Perkembangan Monetari dan Kewangan

5



Perkembangan Monetari dan Kewangan

Tinjauan

Dasar monetari kekal akomodatif...

Ekonomi negara mencatat pertumbuhan kukuh 9.5% dalam tempoh separuh pertama 2010, disokong oleh permintaan domestik dan luaran yang teguh. Sejajar dengan ini, kadar dasar semalaman (OPR) telah disemak semula tiga kali dengan kenaikan keseluruhan berjumlah 75 mata asas kepada 2.75% di antara bulan Mac hingga Julai 2010. Walau bagaimanapun, keperluan rizab berkanun (SRR) yang telah diselaraskan daripada 2.00% kepada 1.00% pada 1 Mac 2009, tetap tidak berubah. Dasar monetari di Malaysia kekal akomodatif bagi menyokong aktiviti sektor swasta dan pertumbuhan ekonomi.

Sistem perbankan terus cergas, disokong oleh asas institusi dan amalan pengurusan risiko yang lebih mantap. Pada akhir Julai 2010, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) serta nisbah modal teras (CCR) terus bertambah baik kepada 15.1% dan 13.3%. Pengantaraan kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi dengan pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang pesat.

Berikutan liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan yang berterusan, enam lesen bank komersial telah diberi kepada entiti asing, termasuk lima lesen yang dikeluarkan di bawah langkah liberalisasi yang diumumkan pada April 2009. Selain menyumbang kepada kepelbagaian industri perkhidmatan kewangan, bank komersial asing yang baru ini juga dijangka dapat membantu meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa dan aliran pelaburan ke Malaysia.

Begitu juga dengan pasaran modal, satu lesen broker saham telah diberikan kepada entiti asing untuk meningkatkan lagi pengantaraan aliran

masuk pelaburan, terutamanya dari Timur Tengah serta mengambil manfaat dari pengalaman dan kepakaran pasaran modal entiti tersebut. Malaysia juga telah menyertai 10 negara lain untuk menjadi destinasi pelaburan yang diluluskan di bawah skim Pelabur Institusi Domestik Berkelayakan (QDII) dari China. Ini membuka jalan kepada pengurus dana dari China untuk melabur di Malaysia.

Malaysia terus menerajui terbitan sukuk mencakupi 64.6% daripada jumlah sukuk terkumpul global bernilai USD83.5 bilion. Bursa Malaysia merupakan bursa penyenaraian sukuk terbesar di dunia dengan nilai sebanyak USD21.0 bilion pada akhir Jun 2010. Kini, sukuk semakin diterima di pasaran kewangan global, dengan memberi pilihan alternatif kepada penerbit untuk memperoleh modal serta sebagai kelas aset yang baru kepada pelabur. Setelah hampir sedekad, Malaysia kembali ke pasaran kewangan antarabangsa untuk kali kedua dan berjaya memperoleh USD1.25 bilion melalui terbitan sukuk *al-ijarah* pada Jun 2010. Setakat ini, Malaysia merupakan negara tunggal yang menerbitkan dua sukuk global. Aktiviti pemerolehan dana oleh sektor swasta meningkat pada suku kedua 2010, dengan penajaan dana di pasaran ekuiti kembali teguh dari bulan Mei hingga Julai, dirangsang oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat. Usaha akan dipergiatkan lagi bagi menjadikan pasaran modal Malaysia lebih cekap, rancak dan berdaya saing.

Dasar Monetari

Penormalan keadaan monetari...

Dasar monetari pada tahun 2010 memberi tumpuan kepada pengukuhan pertumbuhan dan memastikan ketersediaan pembiayaan kepada sektor swasta. Sejajar dengan pertumbuhan

ekonomi yang teguh, OPR yang dikurangkan ke paras terendah dalam sejarah pada awal tahun 2009 telah diselaras semula untuk mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang lebih wajar. OPR telah dinaikkan 25 mata asas pada bulan Mac, Mei dan seterusnya Julai 2010 kepada 2.75%. Penyelarasan OPR ini adalah bersesuaian dan konsisten dengan penilaian terhadap pertumbuhan ekonomi dan inflasi serta merupakan langkah pencegahan untuk mengelak berlakunya ketidakseimbangan kewangan yang boleh menjejaskan kemapanan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh jangka panjang. SRR yang diselaraskan daripada 2.00% kepada 1.00% berkuat kuasa 1 Mac 2009, masih tidak berubah bagi mengurangkan kos pengantaraan.

Perkembangan Monetari

Agregat monetari terus berkembang...

Agregat monetari terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010. **M1 atau wang secara kecil** meningkat 10.7% pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 9.8%), disokong oleh deposit permintaan yang tinggi sebanyak 11.4% (akhir 2009: 10.4%), mencerminkan permintaan

berterusan untuk baki urus niaga. **M3 atau wang secara luas** meningkat 8.1% (akhir 2009: 9.2%), disebabkan terutamanya oleh pertambahan pinjaman bank kepada sektor swasta. Pertumbuhan M3 dipengaruhi sebahagiannya oleh tuntutan bersih ke atas Kerajaan dan aset asing bersih yang lebih rendah.

Kadar faedah kekal menyokong pertumbuhan...

Kadar faedah sistem perbankan meningkat, seiring dengan langkah penormalan OPR. OPR telah dinaikkan pada bulan Mac, Mei dan Julai 2010 kepada 2.75% daripada paras terendah dalam sejarah iaitu 2.00% sejak Februari 2009. Penormalan kadar faedah adalah untuk mengelakkan berlakunya ketidakstabilan kewangan berikutan pertumbuhan ekonomi domestik yang rancak. Pada 2 September 2010, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan OPR pada 2.75%. OPR kekal akomodatif dan terus menyokong pertumbuhan.

Kadar pinjaman asas (BLR) purata bagi bank komersial meningkat 25 mata asas kepada 5.76% pada akhir Mac 2010 (akhir 2009: 5.51%), meningkat 26 mata asas kepada 6.02% pada akhir Mei dan seterusnya meningkat lagi 25 mata asas kepada 6.27% pada akhir Julai. Begitu juga dengan kadar pinjaman purata (ALR) bagi bank komersial yang juga diselaraskan dengan kenaikan 36 mata asas kepada 5.19% pada akhir Julai 2010, setelah berada pada paras terendah 4.83% pada Disember 2009. Walau bagaimanapun, penyelarasan kadar faedah bagi deposit simpanan serta deposit tetap yang bertempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan adalah lebih kecil berbanding dengan penyelarasan dalam kadar pinjaman. Kadar deposit simpanan meningkat 13 mata asas kepada 0.99% pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 0.86%), manakala deposit tetap naik antara 44 mata asas dan 75 mata asas kepada antara 2.70% dan 2.94% (akhir 2009: 2.00%; 2.50%). Pulangan benar bagi deposit telah menyusut berikutan kadar inflasi yang semakin meningkat. Namun begitu, ianya kekal positif.

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Julai

	Perubahan (RM juta)	
	2009	2010
M3	29,184.3	21,706.0
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	11,538.8	-7,135.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	22,261.4	49,058.0
Pinjaman	20,434.6	50,369.1
Sekuriti	1,826.8	-1,311.1
Aset asing bersih	10,513.4	-5,351.0
Bank Negara Malaysia	4,014.9	-19,942.0
Sistem perbankan	6,498.5	14,591.0
Pengaruh lain	-15,129.3	-14,865.2

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pembiayaan swasta yang rancak...

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berkembang ketara sebanyak 12.2% kepada RM455.0 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: 1.3%; RM405.6 bilion). Pengeluaran pinjaman sistem perbankan melonjak 15.2% kepada RM419.1 bilion (Januari – Julai 2009: -2.1%; RM363.7 bilion), berikutan pengeluaran lebih tinggi kepada sektor isi rumah dan pembuatan, yang mencakupi lebih separuh daripada jumlah pengeluaran pinjaman. Terbitan ekuiti juga berkembang kukuh sebanyak 45.9% kepada RM17.1 bilion dalam tempoh tersebut (Januari – Julai 2009: 186.2%; RM11.7 bilion), didominasi oleh tawaran awam awal (IPO) dan terbitan hak. Namun begitu, terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) adalah lebih rendah dengan jumlah RM18.8 bilion (Januari – Julai 2009: RM30.2 bilion).

Aktiviti pinjaman bank kekal kukuh dengan **jumlah permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman** mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 18.2%, 18.1% dan 15.2% (Januari – Julai 2009: 5.0%; -9.9%; -2.1%). **Jumlah pinjaman terkumpul** juga meningkat 11.9% kepada RM841.7 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 7.8%; RM783.5 bilion). Pertumbuhan pinjaman bank yang teguh adalah disumbangkan oleh permintaan lebih tinggi daripada sektor perniagaan dan permintaan sektor isi rumah yang mapan.

Kelulusan dan pengeluaran pinjaman perniagaan meningkat ketara sebanyak 16.7% dan 14.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: -8.1%; 10.5%), sementara permohonan pinjaman menyederhana kepada 13.2% (Januari – Julai 2009: 17.0%). Sebahagian besar pengeluaran pinjaman untuk modal kerja (54.1%), sementara mengikut sektor ianya disalurkan ke sektor pembuatan (19.9%); perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran (16.9%); perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (8.0%); serta pembinaan (5.5%). Peningkatan pengeluaran pinjaman juga

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Julai

Penunjuk	RM bilion		Perubahan Tahunan (%)	
	2009	2010	2009	2010
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	296.0	349.9	5.0	18.2
Kelulusan pinjaman	160.6	189.7	-9.9	18.1
Pengeluaran pinjaman	363.7	419.1	-2.1	15.2
Pinjaman terkumpul ²	752.5	841.7	8.4	11.9
di mana:				
Perniagaan³				
Permohonan pinjaman	140.1	158.6	17.0	13.2
Kelulusan pinjaman	72.8	85.0	-8.1	16.7
Pengeluaran pinjaman	245.2	281.3	10.5	14.7
Pinjaman terkumpul ²	296.8	312.4	4.9	5.3
di mana:				
PKS				
Permohonan pinjaman	56.5	73.2	8.6	29.4
Kelulusan pinjaman	24.4	33.9	-15.2	39.0
Pengeluaran pinjaman	82.1	83.7	2.3	2.0
Pinjaman terkumpul ^{2,3}	119.5	117.9	-2.1	-1.3
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	155.8	191.3	30.8	22.8
Kelulusan pinjaman	87.8	104.6	20.1	19.1
Pengeluaran pinjaman	118.5	137.9	28.9	16.4
Pinjaman terkumpul ²	411.3	465.6	10.0	13.2

¹ Jumlah termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pinjaman terkumpul adalah pada akhir tempoh.

³ Penurunan pinjaman kepada PKS sebahagiannya disebabkan oleh migrasi berterusan PKS kepada kategori perniagaan besar.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

menyumbang kepada kenaikan 5.3% dalam jumlah pinjaman perniagaan terkumpul kepada RM312.4 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 2.1%; RM301.9 bilion).

Pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga berkembang pesat dengan permohonan dan kelulusan meningkat 29.4% dan 39.0% (Januari – Julai 2009: 8.6%; -15.2%), sementara

pengeluaran pinjaman meningkat dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.0% (Januari – Julai 2009: 2.3%). Pembiayaan PKS merangkumi 37.7% daripada jumlah pinjaman perniagaan pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 39.5%). Memandangkan sebilangan akaun PKS telah diklasifikasikan sebagai perniagaan besar, pinjaman terkumpul PKS menurun 1.3% kepada RM117.9 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: -4.4%; RM119.3 bilion). Pinjaman PKS terkumpul disumbangkan kebanyakannya oleh sektor perdagangan borong

dan runcit, penginapan dan restoran, yang meliputi 28.5% daripada jumlah pinjaman PKS terkumpul, diikuti oleh sektor pembuatan (23.3%) serta sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (18.7%).

Pinjaman PKS oleh sektor perbankan juga dipertingkatkan lagi melalui kemudahan pembiayaan di bawah beberapa dana khas yang ditadbir oleh BNM berjumlah RM11.4 bilion. Dana tersebut mencatat kadar penggunaan purata

JADUAL 5.3

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran Pinjaman				Pinjaman Terkumpul			
	2009		Jan – Julai 2010		Akhir 2009		Akhir Julai 2010	
	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)
Perniagaan	439.7	66.9	281.3	67.1	301.9	38.5	312.4	37.1
Syarikat besar	296.4	45.1	197.5	47.1	182.7	23.3	194.5	23.1
PKS	143.4	21.8	83.7	20.0	119.3	15.2	117.9	14.0
<i>Sektor terpilih</i>								
Pertanian primer	20.9	3.2	16.0	3.8	19.0	2.4	19.8	2.4
Perlombongan dan kuari	2.3	0.3	1.5	0.4	2.4	0.3	2.9	0.3
Pembuatan	128.5	19.6	83.5	19.9	75.9	9.7	79.3	9.4
Elektrik, gas dan bekalan air	7.9	1.2	2.0	0.5	6.4	0.8	8.5	1.0
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	105.5	16.1	70.9	16.9	60.8	7.8	64.6	7.7
Pembinaan	40.5	6.2	23.0	5.5	36.5	4.7	35.9	4.3
Harta tanah	20.6	3.1	11.5	2.7	31.6	4.0	33.8	4.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	22.6	3.4	12.6	3.0	23.4	3.0	26.1	3.1
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	65.9	10.0	44.9	10.7	55.3	7.1	58.0	6.9
Isi rumah	217.2	33.1	137.9	32.9	431.5	55.1	465.6	55.3
Pembelian harta kediaman	55.6	8.5	33.7	8.0	201.1	25.7	215.7	25.6
Pembelian kereta penumpang	32.8	5.0	21.8	5.2	105.0	13.4	110.8	13.2
Kredit penggunaan ¹ di mana:	99.8	15.2	62.5	14.9	63.3	8.1	67.5	8.0
Kad kredit	70.5	10.7	45.6	10.9	26.1	3.3	27.6	3.3
Lain-lain	-	-	-	-	50.0	6.4	63.8	7.6
Jumlah²	657.0	100.0	419.1	100.0	783.5	100.0	841.7	100.0

¹ Kredit penggunaan = kad kredit + kegunaan persendirian + barangan pengguna.


² Jumlah = perniagaan + isi rumah + lain-lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.1


Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2


Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.3


Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul¹



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.4


Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.5


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.6

Sistem Perbankan: Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) Kasar¹, Nisbah NPL Bersih¹ dan Nisbah Modal Wajaran Risiko¹



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

sebanyak 88.4% pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 87.6%) dengan Tabung Industri Kecil dan Sederhana mencapai kadar penggunaan tertinggi sebanyak 96.6% (akhir 2009: 91.9%). Manakala, bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-Islam yang ditubuhkan pada Julai 2009, kadar penggunaannya telah meningkat 14.8% pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 4.2%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, jumlah kelulusan pinjaman berada pada 4,347 dengan nilai RM1.2 bilion.

Pembiayaan mikro terus disediakan oleh enam bank komersial dan tiga institusi kewangan pembangunan (DFI). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, jumlah permohonan pembiayaan mikro menyederhana kepada 2.6% menjadi RM643.5 juta (Januari – Julai 2009: 36.3%; RM627.0 juta), manakala kelulusan kembali meningkat sebanyak 10.2% kepada RM218.5 juta (Januari – Julai 2009: -7.4%; RM198.2 juta). Pembiayaan mikro terkumpul berkembang 26.0% kepada RM721.6 juta (akhir 2009: 29.1%; RM616.5 juta) dan memberi manfaat kepada lebih 63,000 peminjam (Januari – Julai 2009: 53,000 peminjam).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, pinjaman kepada sektor isi rumah kekal rancak di mana kesemua penunjuk berkaitan meningkat dengan perlahan sedikit. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman berkembang 22.8%, 19.1% dan 16.4% (Januari – Julai 2009: 30.8%; 20.1%; 28.9%), disokong oleh kadar faedah yang rendah, keadaan pasaran buruh yang lebih baik dan sentimen pengguna yang bertambah baik. Pengeluaran pinjaman untuk isi rumah yang bernilai RM137.9 bilion atau 32.9% (Januari – Julai 2009: RM118.5 bilion; 32.6%) daripada jumlah pengeluaran pinjaman, kebanyakannya adalah untuk kredit penggunaan (RM62.5 bilion) dan pembelian harta kediaman (RM33.7 bilion). Tambahan pula, kelulusan pinjaman perumahan meningkat ketara sebanyak 26.8% kepada RM47.1 bilion (Januari – Julai 2009: 2.8%; RM37.1 bilion), disokong oleh langkah bagi menggalakkan pemilikan rumah di bawah pakej rangsangan. Pinjaman isi rumah terkumpul terus mencatat pertumbuhan

dua angka sebanyak 13.2% kepada RM465.6 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 9.8%; RM431.5 bilion) dan menyumbang 55.3% (akhir 2009: 55.1%) daripada jumlah keseluruhan pinjaman.

Walaupun tahap keberhutangan isi rumah menunjukkan aliran menaik dengan hutang isi rumah terus meningkat 12.3% kepada RM555.7 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 9.4%; RM516.6 bilion), sektor ini dijangka mempunyai kapasiti yang mencukupi di tahap agregat untuk menguruskan kedudukan hutang tersebut. Sebahagian besar hutang isi rumah merupakan pinjaman berdasarkan aset bagi membiayai harta kediaman (45.4%) dan pembelian kereta (20.2%). Paras jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada pendapatan boleh guna peribadi adalah sebanyak 138.2% pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 136.0%). Paras nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 77.9% (2009: 76.6%) masih kekal terkawal, memandangkan komposisi hutang terdiri terutamanya daripada pinjaman bercagar. Peningkatan dalam tahap keberhutangan juga disokong oleh kedudukan kewangan isi rumah yang kukuh. Pada akhir Julai 2010, aset kewangan isi rumah melebihi dua kali ganda hutang isi rumah. Ini memberi fleksibiliti yang mencukupi kepada isi rumah untuk menyesuaikan dengan persekitaran ekonomi dan kos sara hidup yang semakin berubah. Begitu juga, aset mudah tunai isi rumah kekal berlebihan dengan nisbah aset mudah tunai kepada hutang berada pada tahap selesa sebanyak 143.1% (2009: 147.9%). Sementara itu, kualiti pinjaman isi rumah dalam sistem perbankan pada keseluruhannya kekal tinggi, di mana nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bagi sektor ini bertambah baik kepada 2.4% daripada pinjaman isi rumah (akhir 2009: 3.1%).

Bilangan **kad kredit** dalam edaran merosot 19.1% kepada 8.9 juta pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 0.05%; 10.8 juta), berikutan pengenaan cukai perkhidmatan kad kredit sebanyak RM50 seperti yang diumumkan dalam Bajet 2010. Walau bagaimanapun, penggunaan kad kredit kekal tinggi dengan nilai jumlah transaksi berkembang

15.1% kepada RM44.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: 5.5%; RM38.8 bilion). Sebahagian besar transaksi adalah untuk pembelian runcit dan pembelian dalam negara dan merupakan 95.6% dan 90.5% daripada nilai jumlah transaksi.

Walaupun transaksi kad kredit terus mencatat peningkatan, pendedahan sektor isi rumah kepada hutang kad kredit masih rendah. Pada akhir Julai 2010, hutang kad kredit mewakili 6.1% daripada jumlah pinjaman isi rumah dan 3.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (akhir 2009: 6.2%, 3.4%). Nisbah NPL bertambah baik kepada 1.9% daripada jumlah baki terkumpul pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 2.0%) memandangkan kebanyakan individu berdisiplin dalam menyelesaikan pembayaran hutang mereka. Individu yang mempunyai masalah hutang kad kredit dan telah mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), meningkat sedikit 2.0% kepada 7,849 individu (Januari – Julai 2009: 104.0%; 7,693 individu). Bilangan ini merupakan 83.0% daripada kes keseluruhan di bawah Program Pengurusan Hutang (DMP) dengan nilai hutang sebanyak

RM299.2 juta (Januari – Julai 2009: 76.0%; RM277.2 juta). Setakat ini, AKPK telah memberi khidmat kaunseling kepada 46,797 individu di bawah DMP. Jumlah kes muflis akibat kad kredit adalah rendah, iaitu secara puratanya sebanyak 6.7% daripada jumlah kes muflis dalam tempoh lima tahun yang lepas.

Prestasi ringgit mengatasi mata wang lain...

Dalam tempoh separuh pertama 2010, nilai **ringgit** telah meningkat berbanding mata wang utama dan serantau, disokong oleh pemulihan ekonomi yang kukuh dan aliran masuk modal asing yang berterusan. Ringgit meningkat 5.1% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) kepada RM3.2575 pada akhir Jun 2010 (akhir 2009: 1.2%; RM3.4245), serta mengukuh antara 0.8% dan 23.6% berbanding mata wang utama dunia dan serantau. Ringgit merupakan mata wang yang berprestasi terbaik berbanding dolar AS di rantau ini. Pengukuhan ringgit juga disokong oleh kegiatan pelabur ke atas aset berpulangan tinggi di pasaran negara membangun yang berkembang pesat.

Pengemaskinian Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Peraturan pentadbiran pertukaran asing terus dilonggarkan secara berperingkat dan progresif dalam tempoh lapan bulan pertama 2010. Liberalisasi ini bertujuan menyokong keseluruhan objektif makroekonomi bagi mengekalkan kestabilan kewangan dan ekonomi di samping terus meningkatkan daya saing negara.

8 Januari 2010

Pembayaran Am

- Membenarkan pemastautin dan bukan pemastautin¹ yang menyertai komoditi *murabahah* melalui penyedia perkhidmatan perdagangan komoditi pemastautin membuat:
 - Pembayaran dalam mata wang asing antara pemastautin lain;
 - Pembayaran ringgit di dalam negara antara:
 - pemastautin dengan bukan pemastautin; dan
 - bukan pemastautin.

^[1] Pemastautin dan bukan pemastautin yang menyertai komoditi *murabahah* terdiri daripada institusi kewangan, syarikat atau individu, broker komoditi, pembekal komoditi, pembeli komoditi dan penyedia perkhidmatan perdagangan komoditi]

5 April 2010

Pembayaran Am

- Membenarkan broker niaga hadapan pemastautin membuat pembayaran kepada bukan pemastautin untuk derivatif dalam denominasi mata wang asing (selain kontrak mata wang) yang diniagakan dalam bursa tertentu di luar negara.
- Membenarkan pemastautin menjalankan urus niaga derivatif dalam denominasi mata wang asing (selain kontrak mata wang) dalam bursa tertentu di luar negara melalui broker niaga hadapan pemastautin seperti yang berikut:
 - sebarang amaun bagi transaksi yang disokong oleh komitmen asas yang sah; dan
 - tertakluk kepada had pelaburan dalam aset mata wang asing bagi transaksi yang tidak disokong oleh komitmen asas yang sah.

18 Ogos 2010

Penyelesaian Barangan Dan Perkhidmatan Oleh Pemastautin Dan Bukan Pemastautin

- Membenarkan pemastautin membuat pembayaran kepada, atau menerima pembayaran dari bukan pemastautin dalam ringgit, selain membuat pembayaran dalam mata wang asing, sebagai penyelesaian barangan dan perkhidmatan. Peruntukan ini tertakluk kepada:
 - Pembayaran dalam ringgit oleh pemastautin kepada bukan pemastautin hendaklah dibuat ke Akaun Luar bukan pemastautin; atau
 - Penerimaan pembayaran dalam ringgit oleh syarikat pemastautin daripada bukan pemastautin boleh dibuat daripada Akaun Luar bukan pemastautin atau Akaun Luar cawangan luar negeri kumpulan perbankan yang sama, yang dilantik oleh bank tempatan.
- Membenarkan pemastautin mengeluarkan inoivis dalam ringgit bagi eksport, atau menerima inoivis dalam ringgit bagi import untuk barangan dan perkhidmatan dengan bukan pemastautin.
- Membenarkan bank tempatan berlesen untuk membeli dan menjual ringgit berbanding dengan mata wang asing bagi asas semerta atau hadapan dengan bukan pemastautin untuk penyelesaian barangan dan perkhidmatan dengan pemastautin.
- Membenarkan bank tempatan berlesen untuk meluluskan sebarang amaun pembiayaan perdagangan dalam ringgit kepada bukan pemastautin bagi membiayai pembelian atau penjualan barangan atau perkhidmatan kepada pemastautin.

Pinjaman Dalam Mata Wang Asing Oleh Pemastautin

- Membenarkan syarikat pemastautin meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada syarikat² bukan bank bukan pemastautin yang berkaitan.

^[2] Syarikat berkaitan termasuk *ultimate holding*, pejabat induk/ibu pejabat, subsidiari/cawangan, bersekutu atau *sister company* (pemegang saham biasa)]

Had Anggaran Perlindungan Nilai Oleh Pemastautin

- Memansuhkan had anggaran perlindungan nilai bagi transaksi akaun semasa oleh pemastautin dengan bank tempatan berlesen.

Dalam tempoh 1 Julai hingga akhir Ogos 2010, nilai ringgit terus mengukuh berbanding mata wang utama dan serantau. Dalam tempoh ini, ringgit meningkat 3.8% berbanding dolar AS kepada RM3.1375 dan mencatatkan peningkatan tertinggi dalam tempoh 13 tahun pada 19 Ogos kepada RM3.1305, berikutan pengumuman membenarkan penyelesaian perdagangan antarabangsa dibuat

dalam ringgit. Nilai ringgit terus meningkat sebanyak 1.6% kepada RM3.0875 berbanding dolar AS pada bulan September. Pada 29 September, ringgit telah mencatat tahap tertinggi baru berbanding dolar AS iaitu RM3.0838, berikutan kemerosotan nilai dolar AS di peringkat global. Sejak awal tahun sehingga akhir September, ringgit telah mengukuh 10.9% berbanding dolar AS.

Perkembangan Sektor Kewangan

Sistem perbankan kekal cergas...

Sistem perbankan kekal teguh, disokong oleh permodalan yang kukuh, aset yang kekal berkualiti dan mudah tunai yang tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010. Sejak 2008, bank secara proaktif telah mengambil langkah untuk mengukuhkan lagi asas modal bagi menghadapi persekitaran yang lebih mencabar. Pada akhir Julai 2010, RWCR dan CCR dalam sistem perbankan berada pada paras 15.1% dan 13.3% (akhir 2009: 15.4%; 13.8%). Kira-kira 75% daripada jumlah modal adalah berbentuk Kumpulan-1 yang sebahagian besarnya terdiri daripada modal berbayar dan rizab.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM13.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: RM8.4 bilion), disumbangkan oleh faedah bersih dan pendapatan berasaskan yuran yang lebih tinggi serta pulangan daripada aktiviti perbendaharaan yang cergas. Kualiti aset sistem perbankan terus mapan walaupun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar. NPL termasuk pinjaman terjejas berjumlah RM29.9 bilion (akhir 2009: RM28.7 bilion) dan nisbah NPL bersih adalah 2.1% pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 1.8%). Pada keseluruhannya, nisbah perlindungan kerugian pinjaman kekal melebihi 90%.

Dari segi sektor, isi rumah mencatat NPL yang tertinggi sebanyak RM11.3 bilion atau 38.3% daripada jumlah NPL kasar pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: RM13.3 bilion; 46.6%). Ini diikuti oleh sektor pembuatan (RM5.4 bilion; 18.2%) dan pembinaan (RM3.2 bilion; 11.0%).

Lesen tambahan bank komersial...

Susulan daripada pengumuman liberalisasi lagi subsektor perkhidmatan kewangan pada April 2009, lima lesen baru bank komersial telah dikeluarkan pada bulan Jun 2010 kepada *BNP Paribas SA, Mizuho Corporate Bank, National Bank of Abu Dhabi, PT Bank Mandiri (Persero) Tbk* dan *Sumitomo Mitsui Banking Corporation*.

Pemberian lesen ini adalah tambahan kepada lesen perbankan komersial yang diberikan pada April 2010 kepada satu konsortium perbankan dari India sebagai penggantian lesen yang dikembalikan sebelum ini. Kemasukan kesemua bank ini dijangka memudahkan perdagangan antarabangsa dan aliran pelaburan, menyediakan peluang pekerjaan serta menyumbang kepada pengukuhan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa.

Bank pelaburan semakin berkembang...

Di Malaysia kini terdapat 15 bank pelaburan, di mana sembilan daripadanya merupakan anak syarikat kumpulan perbankan tempatan. Bank tersebut telah meningkatkan lagi kapasiti dan keupayaan institusi kewangan Malaysia serta memperluaskan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Sebagai sebahagian daripada langkah liberalisasi bagi memudahkan perkongsian strategik asing serta meningkatkan rantai dan peluang perniagaan antarabangsa, penyertaan ekuiti asing yang lebih tinggi dalam bank pelaburan dibenarkan sehingga 70%.

Pada tahun 2009, industri ini merekodkan keuntungan RM1.2 bilion, di sumbang terutamanya oleh aktiviti perbendaharaan dan perkhidmatan berkaitan pengurusan kekayaan serta kecekapan kos yang bertambah baik. Oleh itu, kadar pulangan ke atas aset dan ekuiti bank pelaburan berada pada paras 2.0% dan 14.3%. Walau bagaimanapun, masalah hutang berdaulat di kawasan euro dalam tempoh separuh pertama 2010 mengakibatkan pasaran domestik tidak stabil dan telah mengurangkan keuntungan bank pelaburan. Namun demikian, bank pelaburan kekal berdaya tahan dengan RWCR yang kukuh pada 35.1% dan nisbah leveraj pada 8.3 kali setakat akhir Julai 2010 (akhir 2009: 35.3%, 8.2 kali).

Prestasi teguh DFI...

Institusi kewangan pembangunan (DFI) terus menyediakan pembiayaan kepada sektor ekonomi strategik, termasuk PKS. Pembiayaan terkumpul DFI yang berada di bawah bidang kuasa BNM

JADUAL 5.4

**Institusi Kewangan Pembangunan¹:
Haluan Berian Pinjaman**

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	Akhir 2009	Akhir Julai 2010	Akhir 2009	Akhir Julai 2010
Pertanian primer	6,234.4	5,970.7	7.5	6.5
Pembuatan	4,299.7	5,112.6	5.2	5.6
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	1,774.3	2,062.9	2.1	2.3
Pembinaan	11,899.1	13,736.2	14.3	15.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,479.3	5,556.3	6.6	6.1
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	998.5	1,376.6	1.2	1.5
Lain-lain	52,383.3	57,458.2	63.1	63.0
Jumlah	83,068.6	91,273.5	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

meningkat 14.4% kepada RM91.3 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009:18.5%; RM83.1 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pembiayaan untuk kredit penggunaan, projek infrastruktur dan industri berasaskan eksport. Kredit penggunaan terutamanya disalur oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional (BSN), berkembang ketara sebanyak 23.0% kepada RM43.2 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 24.1%; RM37.7 bilion). Manakala, pinjaman bagi projek infrastruktur meningkat 11.5% kepada RM19.8 bilion (akhir 2009: 20.6%; RM17.8 bilion). Selain itu, pembiayaan kepada industri berasaskan eksport kembali pulih sebanyak 15.9% kepada RM3.6 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: -17.1%; RM3.1 bilion), mencerminkan persekitaran ekonomi global yang bertambah baik. Pembiayaan kepada PKS berkembang kepada RM12.8 bilion pada akhir Julai 2010. Jumlah deposit yang disalurkan oleh DFI dan pinjaman daripada Kerajaan kekal sebagai sumber utama dana DFI dan menyumbang 67.0% daripada jumlah sumber.

Dalam tujuh bulan pertama 2010, beberapa inisiatif telah diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi kapasiti dan keupayaan DFI. Ini termasuk menggalakkan lebih ketelusan, meningkatkan kecekapan dalam memproses permohonan pinjaman, mengukuh kawalan dalaman dan amalan tadbir urus bagi menangani penipuan serta memperketatkan pengawasan.

Sementara itu, Kerajaan telah mewujudkan Dana Industri Kreatif berjumlah RM200 juta melalui BSN. Dana ini bertujuan untuk menggalakkan industri kreatif tempatan seperti penerbitan filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan. Pembiayaan di antara RM50,000 hingga RM5 juta akan diberi kepada syarikat pemilikan tunggal, syarikat perkongsian dan syarikat sendirian berhad di mana sekurang-kurangnya 51% pegangan ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia. Pinjaman ini dikenakan kadar faedah yang kompetitif iaitu sebanyak 2.00% dalam tempoh pertanggunghan dan 4.00% dalam tempoh bayaran balik. Sehingga akhir September 2010, sebanyak 38 permohonan telah diluluskan berjumlah RM44.4 juta, sementara jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah RM16.3 juta kepada 27 pemohon.

Industri insurans berdaya tahan...

Industri insurans terus mencatatkan pertumbuhan positif dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 dengan hasil premium yang meningkat dan penampakan modal yang mencukupi. Pada akhir Jun 2010, nisbah kecukupan modal kekal stabil pada 223.5%, dengan penampakan modal pada RM18.5 bilion (akhir 2009: 230.0%; RM18.6 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti perolehan modal oleh beberapa syarikat insurans am dan hayat. Keuntungan tertahan juga bertambah baik, meningkat kepada RM7.5 bilion (Januari – Julai 2009: RM6.8 bilion) dan menghasilkan komposisi modal Kumpulan-1 yang lebih tinggi.

Bagi **sektor insurans hayat**, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bertambah baik 10.3% kepada RM6.6 bilion (Januari – Julai 2009: RM6.0 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	2009	Jan – Julai 2010
Insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru:		
Bilangan polisi (unit)	1,387,724	806,302
Jumlah diinsuranskan	239,605.9	180,035.3
Jumlah premium	7,784.4	4,774.8
Perniagaan berkuat kuasa:		
Bilangan polisi (unit)	15,004,258	15,310,019 ²
Jumlah diinsuranskan	1,012,560.1	935,275.1 ²
Premium tahunan	17,529.1	19,369.6 ²
Pendapatan premium bersih	19,870.1	12,155.2
Bayaran manfaat	11,857.3	7,119.7
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	11,751.5	7,804.1
Pendapatan premium bersih	8,575.1	5,531.6
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	887.2	503.5
Nisbah bendungan ¹ (%)	73.0	70.4
Bilangan syarikat insurans		
Langsung:		
Hayat	9	9
Am	23	23
Komposit	7	7
Penginsuransan semula:		
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Premium bersih kepada premium kasar dan premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

² Januari – Jun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

premium yang lebih tinggi dan kerugian modal yang lebih rendah dalam pelaburan ekuiti. Premium bersih yang terdiri daripada perniagaan baru dan yang masih berkuat kuasa daripada insurans hayat biasa dan perniagaan berkaitan pelaburan, berkembang 13.0% kepada RM12.2 bilion (Januari – Julai 2009: 0.9%; RM10.8 bilion). Keuntungan bersih belum direalisasi dari sekuriti menyusut ketara, kesan daripada pasaran yang tidak stabil, yang secara khususnya telah menjejaskan perniagaan berkaitan pelaburan. Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi oleh keuntungan bersih yang lebih tinggi hasil daripada penjualan aset. Premium baru bagi perniagaan hayat biasa meningkat 12.6% kepada RM3.6 bilion (Januari – Julai 2009: 26.3%; RM3.3 bilion) berikutan jualan yang lebih tinggi bagi produk berkaitan pelaburan, endowmen dan hayat sementara. Premium dari produk endowmen meliputi 31.6% daripada premium perniagaan baru, manakala premium dari produk hayat sementara, termasuk insurans nyawa gadai janji, menyumbang 19.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: 33.4%; 19.8%). Kadar penembusan pasaran meningkat kepada 41.4% setakat akhir Jun 2010 (akhir 2009: 40.8%).

Keuntungan operasi bagi **sektor insurans am** meningkat kepada RM888.9 juta (Januari – Julai 2009: RM851.3 juta) dengan keuntungan pengunderaitan bertambah baik sebanyak RM349.2 juta (Januari – Julai 2009: RM246.3 juta). Premium langsung kasar meningkat 9.3% kepada RM7.8 bilion (Januari – Julai 2009: 5.6%; RM7.1 bilion). Segmen kebakaran dan kenderaan bermotor mencakupi 62.2% daripada jumlah perniagaan (Januari – Julai 2009: 60.9%). Dari segi perbelanjaan, prestasi tuntutan masih stabil dan mencatatkan nisbah kerugian 63.2% (Julai 2009: 61.3%), dengan kerugian tertumpu terutamanya pada segmen marin, penerbangan dan transit serta kenderaan bermotor komprehensif.

Aset industri insurans mencatatkan pertumbuhan pesat mencecah RM154.0 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: RM150.4 bilion). Aset mudah tunai bernilai RM39.5 bilion atau 25.6% daripada jumlah aset, mencukupi untuk menampung

JADUAL 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am

	Insurans Hayat (RM juta)		Insurans Am (RM juta)	
	Akhir 2009	Akhir Julai 2010	Akhir 2009	Akhir Julai 2010
Harta benda, loji dan kelengkapan	1,630.3	1,610.9	792.1	631.2
Pinjaman	11,588.1	11,093.6	179.2	112.8
Pelaburan	93,064.2	100,358.1	12,901.5	10,599.4
Kertas Kerajaan	18,240.9	18,566.3	4,842.9	2,584.0
Pinjaman jaminan Kerajaan	200.0	585.0	15.2	15.1
Sekuriti korporat (ekuiti dan hutang)	72,205.0	78,259.4	7,012.0	5,821.8
Pelaburan lain	2,418.3	2,947.4	1,031.5	2,178.5
Pelaburan harta tanah	2,555.5	2,524.8	233.9	134.3
Tunai dan deposit	11,555.0	11,385.6	7,508.1	6,904.2
Aset asing	3,386.2	3,801.5	621.8	460.3
Aset lain	2,111.3	2,163.0	2,251.5	2,175.1
Jumlah	125,890.6	132,937.6	24,488.2	21,017.3

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

tanggungan terkumpul dan tanggungan masa hadapan. Aset mudah tunai dalam perniagaan am adalah sebanyak RM9.5 bilion berbanding jumlah tuntutan terkumpul bernilai RM7.2 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: RM12.3 bilion). Agihan aset kekal tertumpu pada sekuriti hutang korporat serta sekuriti Kerajaan yang mewakili 53.3% daripada jumlah aset (akhir 2009: 54.0%). Perniagaan insurans hayat terus menjadi penyumbang terbesar iaitu sebanyak 86.3% daripada jumlah aset industri.

Beberapa garis panduan telah dikeluarkan untuk meningkatkan kecekapan industri insurans. Pada April 2010, Garis Panduan Mengenai Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan Pelaburan yang

disemak semula telah dikuatkuasakan. Garis panduan tersebut memberikan lebih fleksibiliti dalam struktur komisen bagi polisi premium biasa dalam rangka kerja penzahiran yang telah dipertingkatkan; menguatkan peraturan untuk mengekalkan nilai bagi pemegang polisi serta meningkatkan keperluan pengawasan ke atas perniagaan berkaitan pelaburan untuk memastikan layanan saksama kepada pemegang polisi. Garis Panduan Mengenai Pelaporan Kewangan Penginsurans yang dikeluarkan pada Julai 2010 adalah untuk menyelaraskan lagi rangka kerja berhemat dengan Piawaian Pelaporan Kewangan 139. Garis panduan ini menetapkan langkah perakaunan yang spesifik dan kegunaan opsyen nilai saksama bagi instrumen kewangan serta keperluan penzahiran yang minimum. Garis Panduan Mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk yang telah disemak semula pada Mac 2010 adalah bertujuan menambah baik lagi penzahiran mengenai ciri utama produk, risiko dan manfaat serta syarat dan terma utama dalam kontrak.

Perkembangan Kewangan Islam

Kewangan Islam yang rancak...

Malaysia kekal sebagai peneraju kewangan Islam dengan pertumbuhan purata 20.0% dalam tempoh lima tahun yang lepas, disokong oleh pelbagai usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai **Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC)**. Pada Jun 2010, Malaysia dianugerahkan sekali lagi sebagai “Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Terbaik” semasa *2010 London Sukuk Summit Awards* untuk tiga tahun berturut-turut. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, pelbagai inisiatif penting telah dilaksanakan bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam kewangan Islam. Ini termasuk pengenalan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah untuk Institusi Kewangan Islam dengan menyediakan panduan bagi prinsip struktur tadbir urus, proses dan pengaturan untuk mengurus risiko syariah. Rangka kerja tersebut juga menetapkan piawaian bagi lembaga, jawatankuasa dan pihak pengurusan dalam melaksanakan tugas berkaitan dengan syariah. Selain itu, Parameter Syariah

Rujukan telah dibangunkan untuk mengkanunkan prinsip syariah yang biasa digunakan dalam kontrak kewangan Islam iaitu *murabahah*, *ijarah*, *mudharabah*, *musharakah*, *istisna'* dan *wadiah*.

Malaysia juga mempengerusikan Pasukan Petugas mengenai Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global di mana Forum Kestabilan Kewangan Islam (IFSF) telah ditubuhkan. IFSF berperanan sebagai satu platform untuk membincangkan isu relevan bagi memastikan kestabilan dalam sistem kewangan Islam. Pembangunan kepakaran serta penyelidikan dalam syariah dan kewangan Islam dipertingkatkan melalui Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (ISRA). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, seramai 137 pelajar telah diberi biasiswa penuh untuk melanjutkan pengajian dalam program *Chartered Islamic Finance Professional* di INCEIF. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat rujukan kewangan Islam, ISRA telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan *Thomson Reuters* pada Februari 2010 untuk meningkatkan profil ISRA sebagai pusat pengumpulan ilmu pengetahuan mengenai fatwa atau pandangan syariah.

Pasaran modal Islam memainkan peranan penting dalam menyediakan sumber alternatif bagi pemerolehan dana modal. Kini, sebanyak 847 sekuriti patuh syariah disenaraikan di Bursa Malaysia dan ia mencakupi 88.0% daripada jumlah sekuriti tersenarai dengan nilai permodalan pasaran sebanyak RM650.6 bilion (akhir 2009: RM637.9 bilion). Dari segi jumlah dagangan, sekuriti patuh syariah mewakili 102.0 bilion unit atau 76.7% daripada 133.0 bilion unit yang didagangkan pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 120.0 bilion unit; 76.6%; 157.0 bilion unit).

Selain itu, Bursa *Suq Al-Sila'* merupakan platform dagangan komoditi patuh syariah yang pertama di dunia, ditubuhkan pada Ogos 2009 bagi memudahkan pembiayaan Islam dan transaksi pelaburan berasaskan komoditi dalam berbilang mata wang yang rentas sempadan. Pada akhir

Julai 2010, seramai 23 peserta dagangan komoditi di Malaysia serta di Timur Tengah dan Eropah telah mendaftar di Bursa tersebut. Sehingga kini, urusan niaga tunggal terbesar yang dikendalikan dalam satu hari adalah Sukuk 1Malaysia 2010 yang diterbitkan oleh Kerajaan pada bulan Jun dengan nilai sebanyak RM2.4 bilion.

Malaysia kekal sebagai penerbit sukuk terbesar mencakupi 64.6% daripada jumlah sukuk terkumpul global pada akhir Jun 2010. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, 15 sukuk baru telah disenaraikan di Bursa Malaysia dengan nilai sebanyak RM70.5 bilion (USD21.4 bilion). Sejajar dengan inisiatif MIFC bagi membangunkan Malaysia sebagai platform pemerolehan dana global berbilang mata wang untuk kewangan Islam, beberapa sukuk mata wang asing telah diterbitkan dalam tempoh lapan bulan pertama 2010, iaitu oleh Kerajaan Malaysia, *Nomura Holdings Inc.* dan Khazanah Nasional Berhad. Pada Jun 2010, Kerajaan telah menerbitkan sukuk berdaulat dalam dolar AS yang terbesar di dunia sebagai penanda aras, bernilai USD1.25 bilion dengan kadar pulangan 3.928%. Terbitan tersebut telah terlebih langganan sebanyak 6 kali. Pada Julai 2010, penerbitan sukuk oleh *Nomura Holdings Inc.* yang bernilai USD100.0 juta (RM332.0 juta) merupakan sukuk pertama yang disenaraikan oleh entiti antarabangsa dari Jepun. Pada Ogos 2010, Khazanah Nasional Berhad telah menerbitkan sukuk bertempoh 5-tahun dan 10-tahun bernilai SGD1.5 bilion (USD1.11 bilion) di mana ia menarik lebihan langganan sebanyak 4.3 kali. Sukuk tersebut juga merupakan terbitan pertama dalam mata wang dolar Singapura.

Pada Julai 2010, Danajamin Nasional Berhad menjadi penginsurans jaminan kewangan pertama yang menyediakan jaminan Islam atau *kafalah bil ujr* untuk terbitan sukuk *murabahah* dan *mudharabah* bernilai RM75.0 juta. Kedua-dua sukuk ini merupakan pemerolehan dana untuk membiayai pembinaan harta kediaman. Selain itu, Cagamas Berhad telah bekerjasama dengan cawangan tempatan Bank Al Rajhi Arab Saudi untuk cadangan penerbitan satu sukuk inovatif iaitu *Sukuk al-Amanah Li al-Istithmar* (*Sukuk*

Sukuk Global Malaysia – Satu Kejayaan

Sukuk merupakan satu instrumen kewangan yang mematuhi prinsip syariah dan sering dibandingkan dengan bon konvensional. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang asas antara kedua-dua instrumen berkenaan. Berbanding bon konvensional yang membayar faedah, pemegang sukuk akan mendapat sebahagian daripada keuntungan dalam urus niaga *musyarakah*, bayaran pajakan daripada aset pendasar (*ijarah*) dan hasil termasuk margin keuntungan (*murabahah*) di antara beberapa struktur sukuk yang sedia ada. Kewangan Islam menyokong aktiviti pendasar produktif yang menyumbang kepada aktiviti benar ekonomi dan melarang segala bentuk faedah. Daya tarikan produk kewangan Islam yang berdasarkan hakikat bahawa instrumen atau sijil memberikan hak milik aset pendasar, manfaat, perkhidmatan atau pelaburan telah menyebabkan kewangan Islam semakin diterima, mahupun di negara dan institusi bukan Islam. Pada masa ini, terdapat banyak pusat kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Dalam tempoh 20 tahun yang lepas, aset kewangan Islam telah berkembang secara purata antara 15% – 20% setahun dan di jangka mencapai USD1 trilion pada tahun 2010.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempromosi kewangan Islam dan membangunkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa. Ini termasuk menyediakan rangka kerja undang-undang dan kawal selia yang kukuh untuk kewangan dan pasaran modal Islam, membangunkan produk kewangan Islam yang inovatif serta melahirkan kumpulan cendekiawan dalam bidang syariah dan kewangan menerusi pelbagai program binaupaya. Usaha ini telah meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam kewangan Islam, terutamanya di dalam penerbitan sukuk dan inovasi produk.

Selaras dengan objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam yang unggul, Kerajaan telah melancarkan Sukuk Global pada 19 Mei 2010. Ini merupakan sukuk berdaulat Malaysia yang pertama dalam tempoh selepas lapan tahun dan diberi taraf “emas”, iaitu satu pengiktirafan khas yang diberikan kepada terbitan dalam mata wang asing di pasaran modal negara. Sukuk tersebut distrukturkan sebagai *Ijarah* – satu instrumen Islam berasaskan aset yang membayar pemegang sukuk hasil pulangan daripada sewaan 12 hospital Kerajaan. Terbitan Sukuk Global mempunyai tiga objektif, iaitu untuk:

- Memprofil hutang Malaysia di pasaran modal antarabangsa;
- Mewujudkan penanda aras USD baru sebagai panduan harga kepada sektor korporat untuk memperoleh dana; dan
- Menonjolkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global.

Sukuk tersebut diberikan penarafan A- oleh *Standard and Poor's* dan A3 oleh *Moody's Investors*. Penarafan kredit tersebut mencerminkan kepercayaan kredit berdaulat Malaysia, disokong oleh kekukuhan dan kecairan pasaran modal domestik, sistem kewangan yang berdaya tahan serta dikawal selia dengan baik, kedudukan rizab asing yang kukuh, hutang luar Kerajaan yang rendah serta ekonomi yang pelbagai dan berdaya saing.

Sukuk Global Malaysia merupakan satu kejayaan besar dengan saiz sukuk ditingkatkan kepada USD1.25 bilion daripada tawaran awal sebanyak USD1 bilion. Kejayaan ini dicapai di sebalik ketidaktentuan krisis hutang berdaulat di Greece, Sepanyol, Portugal dan Ireland serta pemulihan ekonomi yang perlahan di Amerika Syarikat (AS) dan Jepun. Keputusan untuk meneruskan penerbitan sukuk meskipun dalam persekitaran yang mencabar merupakan langkah yang tepat dan terbukti betul berikutan lebihan langganan hampir enam kali ganda berbanding saiz asal sebanyak USD1 bilion. Harga sukuk lima tahun tersebut telah ditetapkan di New York pada 27 Mei 2010, dengan kadar pulangan 3.928%, iaitu pulangan terendah bagi terbitan berdaulat Asia dalam tempoh lima tahun yang lepas. Kejayaan sukuk ini menunjukkan permintaan kukuh untuk instrumen hutang berdaulat berkualiti tinggi di pasaran serta julat risiko kredit Malaysia yang bertambah baik dan reputasi kredit negara yang kukuh, disokong oleh asas ekonomi yang teguh dan agenda transformasi ekonomi yang jelas di bawah Model Baru Ekonomi (NEM).

Dua pasukan telah dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha pemasaran antarabangsa terbitan Sukuk Global untuk menemui pelabur di negara Timur Tengah, Asia, Eropah dan AS bagi menjelaskan dasar ekonomi Malaysia serta agenda transformasi dan prospek pertumbuhan di bawah NEM. Terbitan Sukuk Global telah menarik bidaan daripada lebih 270 pelabur dari serata dunia, dengan bidaan tertinggi dari negara Asia dan Timur Tengah. Pengagihan muktamad terbitan sukuk mencerminkan minat yang meluas di kalangan pelabur institusi antarabangsa terhadap instrumen hutang Malaysia. Ini memperkukuhkan lagi kedudukan unggul Malaysia dalam pasaran sukuk dengan sumbangan melebihi 50% daripada jumlah USD26.1 bilion terbitan sukuk global pada tahun 2009.

Usaha melancarkan dan memuktamadkan sukuk berdaulat terbesar di peringkat global dalam suasana ketidaktentuan dan volatiliti adalah amat mencabar. Namun demikian, sambutan yang amat menggalakkan mencerminkan keyakinan pelabur terhadap Sukuk Global Malaysia. Kejayaan sukuk “emas” global adalah satu pengiktirafan dan pengesahan antarabangsa terhadap kedudukan kredit Malaysia serta keyakinan terhadap agenda transformasi di bawah NEM.

ALIm) di bawah program bernilai RM5.0 bilion. Sukuk tersebut telah distruktur untuk mematuhi keperluan syariah pelabur Timur Tengah dan Malaysia. Ianya distruktur berteraskan kontrak *al-ljarah* (transaksi pajakan), *bai'* (penjualan aset), *wakalah* (kontrak agensi) dan *bai' bithaman ajil* (jualan aset dengan pembayaran tertunda) menggunakan portfolio aset yang merangkumi harta tanah dan penerimaan pembayaran tertunda daripada perdagangan komoditi.

Dalam usaha untuk meningkatkan kepelbagaian dan kedalaman inisiatif MIFC, *Deutsche Bank AG* telah dilesenkan sebagai Bank Islam Antarabangsa (IIB) pada Mac 2010. Ini meningkatkan jumlah IIB berlesen kepada empat. Di samping itu, terdapat sambutan menggalakkan terhadap langkah liberalisasi yang membenarkan 100% pegangan asing dalam syarikat pengurusan dana Islam. Dalam tempoh separuh pertama 2010, tiga syarikat terkemuka baru telah dilesenkan sebagai syarikat pengurusan dana Islam (IFMC), iaitu *Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd*, *Saturna Sdn Bhd* dan *OSK-UOB Islamic Fund Management Bhd*, menjadikan jumlah syarikat kepada 14 pada akhir Jun 2010. Dari segi produk pengurusan kekayaan Islam, dua produk pelaburan mata wang asing telah ditawarkan dalam tempoh separuh pertama 2010, iaitu *AIIMAN/Hwang DBS A20 China Access Fund* bernilai USD100.0 juta dan *Amanah Raya Al-Haramain Fund* dengan nilai USD25.0 juta.

Perbankan Islam berkembang pesat...

Sistem perbankan Islam termasuk DFI terus berkembang dari segi bahagian pasaran bagi aset, deposit dan pembiayaan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010. Jumlah aset meningkat 20.8% kepada RM337.6 bilion pada akhir Julai 2010 dan merupakan 20.1% daripada jumlah aset sistem perbankan (akhir 2009: 20.8%; RM303.3 bilion; 19.6%). Deposit berkembang 20.6% kepada RM263.4 bilion, mencakupi 21.6% daripada jumlah deposit perbankan (akhir 2009: 21.4%; RM236.0 bilion; 20.7%). Pembiayaan juga meningkat ketara sebanyak 25.1% kepada RM211.6 bilion, mewakili 21.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (akhir 2009: 24.1%; RM186.8 bilion; 21.6%).

Sebahagian besar pembiayaan Islam adalah sektor isi rumah dengan pembiayaan berjumlah RM134.4 bilion atau 63.5% daripada jumlah pembiayaan pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: RM117.7 bilion; 63.0%), manakala pembiayaan kepada PKS menyusut 7.4% kepada RM18.1 bilion (akhir 2009: 5.9%; RM19.4 bilion). Sektor pembuatan mencakupi 6.1% daripada jumlah pembiayaan bernilai RM12.9 bilion, manakala sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi adalah sebanyak RM9.8 bilion atau 4.6%. DFI menyumbang 27.1% atau RM57.3 bilion daripada jumlah pembiayaan Islam.

JADUAL 5.7

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	Akhir 2009		Akhir Julai 2010	
	RM juta	Perubahan Tahunan (%)	RM juta	Perubahan Tahunan (%)
Aset	303,331.5	20.8	337,613.2	20.8
Depositi	235,955.3	21.4	263,446.7	20.6
di mana:				
Pelaburan	158,507.3	23.1	178,024.7	17.3
Simpanan	21,120.4	14.9	22,143.0	9.9
Permintaan	30,752.9	16.1	29,551.9	8.6
Lain-lain	25,574.7	23.1	33,727.2	74.2
Pembiayaan	186,797.3	24.1	211,620.5	25.1
di mana:				
Pertanian primer	7,358.7	13.9	7,573.7	10.0
Pembuatan	11,827.4	6.6	12,924.5	19.7
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	6,469.3	-0.2	7,300.5	15.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	7,519.6	16.4	8,342.9	1.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	9,267.3	103.1	9,778.0	70.5
Isi rumah	117,689.4	27.5	134,399.8	25.6

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Industri takaful kekal teguh...

Aset **industri takaful** berkembang 19.6% kepada RM13.9 bilion, merangkumi 9.1% daripada jumlah aset industri insurans pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 17.1%; RM12.4 bilion; 7.7%). Kenaikan ini disokong oleh peningkatan dana keluarga yang meliputi 84.6% daripada jumlah aset takaful. Sumbangan bersih takaful keluarga dan takaful am mencatat pertumbuhan 23.8% kepada RM2.2 bilion (Januari – Julai 2009: 23.7%; RM1.7 bilion).

Sumbangan perniagaan baru bagi **takaful keluarga** berkembang 25.8% kepada RM1.6 bilion (Januari – Julai 2009: 7.9%; RM1.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam perniagaan takaful keluarga biasa yang mewakili 85.9% daripada jumlah sumbangan perniagaan baru. Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan untuk takaful keluarga merosot 2.3% kepada RM975.3 juta (Januari – Julai 2009: 14.0%; RM998.6 juta) disebabkan terutama oleh pertambahan manfaat sijil bersih. Kadar penembusan pasaran bagi takaful keluarga bertambah baik kepada 10.3% pada akhir Jun 2010 (akhir 2009: 9.1%), mencerminkan peningkatan kesedaran awam. Pada 1 September 2010, empat lesen takaful keluarga telah diluluskan untuk meningkatkan lagi perkembangan industri takaful keluarga di Malaysia, di samping mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa.

Sumbangan langsung kasar **takaful am** bertambah 27.6% kepada RM776.7 juta (Januari – Julai 2009: 26.2%, RM608.6 juta) disebabkan terutamanya oleh sumbangan yang lebih tinggi dari perniagaan berkaitan minyak luar pesisir, penerbangan, kargo, badan kapal dan kebakaran. Begitu juga, sumbangan bersih turut meningkat dan seterusnya menyumbang kepada keuntungan operasi yang lebih baik sebanyak RM152.4 juta dalam tempoh tersebut (Januari – Julai 2009: RM129.0 juta).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, BNM telah memperkenalkan Garis Panduan Mengenai Penilaian Asas Untuk Liabiliti Perniagaan Takaful Am dan Garis Panduan Mengenai Penilaian Asas Untuk Liabiliti Perniagaan Takaful Keluarga. Garis panduan ini akan membantu operator takaful dalam penilaian liabiliti dan bertujuan memperkasakan tanggungjawab fidusiari operator takaful bagi mengurus dana takaful secara berhemat. Sejajar dengan perkembangan industri insurans, Garis Panduan Mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk telah dilaksanakan bagi menggalakkan amalan pasaran yang adil dan saksama dalam industri takaful serta mengukuhkan keyakinan pengguna.

JADUAL 5.8

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	2009	Jan – Julai 2010
Aset^{1,2} (RM juta)	12,445.8	13,925.0
Aset tetap	10.4	2.3
Pembiayaan	64.5	68.3
Pelaburan	8,021.3	9,400.8
Sekuriti Kerajaan	1,296.1	1,509.4
Pinjaman jaminan Kerajaan	11.0	61.0
Hutang korporat	5,487.0	6,199.4
Pelaburan lain	1,227.2	1,631.0
Pelaburan harta tanah	312.5	335.1
Tunai dan deposit	3,578.9	3,476.2
Aset asing	34.5	21.6
Aset lain	423.8	620.8
Perniagaan takaful keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah caruman (RM juta)	2,177.8	1,594.6
Jumlah penyertaan (RM juta)	9.4	5.2
Bilangan sijil	673,161	589,420
Perniagaan berkuat kuasa:		
Jumlah caruman ³ (RM juta)	1,519.4	1,669.5 ⁴
Jumlah penyertaan (RM juta)	326,138.8	309,300.8 ⁴
Bilangan sijil	2,578,604	2,967,960 ⁴
Perniagaan takaful am		
Caruman kasar (RM juta)	1,052.1	776.7
Tuntutan bersih dibayar (RM juta)	803.8	596.8

¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga, takaful am dan dana pemegang saham.

² Pada akhir tempoh.

³ Caruman perniagaan berkuat kuasa dilaporkan untuk caruman tahunan sahaja.

⁴ Januari – Jun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Perkembangan Pasaran Modal

Pemerolehan dana menyusut...

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal menyusut 26.6% kepada RM80.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: 63.7%; RM109.7 bilion). Dana bersih yang diperoleh menyusut 29.6% kepada RM48.2 bilion setelah mengambil kira penebusan (Januari – Julai 2009: 115.5%, RM68.4 bilion), dengan sektor awam mencatat sumbangan yang terbesar iaitu 57.4% atau RM27.6 bilion dan sektor swasta sebanyak RM20.5 bilion (Januari – Julai 2009: 65.8%; RM45.0 bilion; RM23.4 bilion). Terbitan sekuriti Kerajaan menguncup 36.4% kepada RM42.2 bilion (Januari – Julai 2009: 109.3%; RM66.3 bilion), berikutan langkah konsolidasi fiskal Kerajaan. Dana yang diperoleh termasuk terbitan Sukuk 1Malaysia 2010 berjumlah RM2.4 bilion, dengan tempoh matang 3 tahun dan pulangan tahunan sebanyak 5.00%.

Pemerolehan dana oleh sektor swasta bertambah baik pada suku kedua, disokong oleh prestasi ekonomi yang kukuh dalam suku pertama dan aktiviti pelaburan swasta yang meningkat semula. Walau bagaimanapun, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, terbitan baru PDS oleh sektor swasta secara keseluruhan menyusut 32.7% kepada RM21.4 bilion (Januari – Julai 2009: 1.5%; RM31.8 bilion). Sebahagian besar terbitan PDS adalah daripada sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang merangkumi RM18.4 bilion atau 86.1% daripada jumlah terbitan PDS (Januari – Julai 2009: RM16.2 bilion; 50.9%). Dana tersebut digunakan terutamanya untuk membiayai modal kerja dan aktiviti perniagaan am. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti meningkat 45.9% kepada RM17.1 bilion (Januari – Julai 2009: 186.2%; RM11.7 bilion), didominasi oleh terbitan hak berjumlah RM11.8 bilion (Januari – Julai 2009: RM11.3 bilion) dan mencakupi 69% daripada dana yang diperoleh. Manakala, dana yang dijana melalui IPO meningkat hampir 18 kali ganda kepada RM5.3 bilion (Januari – Julai 2009: RM0.3 bilion).

JADUAL 5.9

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari – Julai
(RM juta)

	2009	2010
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	38,258	24,752
Bon Khazanah	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	21,000	15,000
Bon Simpanan Merdeka	2,000	-
Sukuk Simpanan Rakyat	5,000	-
Sukuk 1Malaysia	-	2,399
Sekuriti hutang baru Kerajaan	66,258	42,151
Tolak: Penebusan	21,214	14,527
Dana bersih diperoleh oleh Sektor Awam	45,044	27,624
Oleh Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran awam awal	256	5,263
Terbitan hak	11,316	11,785
Penempatan persendirian/ Tawaran jualan secara terhad	144	-
Terbitan khas	-	-
Waran	-	42
Terbitan saham baru/waran	11,716	17,090
Sekuriti hutang²		
Bon biasa	6,815	1,402
Bon boleh tukar	80	110
Bon Islam	1,811	1,578
Bon bersandarkan aset	97	300
Bon dengan waran	-	-
Nota jangka sederhana	22,962	17,975
Bon Cagamas	-	-
Terbitan baru sekuriti hutang	31,764	21,364
Tolak: Penebusan³	20,110	17,928
Terbitan bersih sekuriti hutang	11,654	3,436
Dana bersih diperoleh oleh Sektor Swasta	23,370	20,526
Jumlah dana bersih diperoleh	68,414	48,150

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

² Termasuk bon dikeluarkan oleh entiti bukan pemastautin.

³ Termasuk bon biasa, bon dengan waran, bon boleh tukar dan bon Islam.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.10

Terbitan Baru PDS Mengikut Sektor¹
Januari – Julai

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	2009	2010	2009	2010
Pertanian, perhutanan dan perikanan	268	130	0.8	0.6
Pembuatan	5	10	0.0	0.1
Pembinaan	1,731	2,176	5.5	10.2
Elektrik, gas dan bekalan air	400	20	1.3	0.1
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	2,850	485	8.9	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	16,195	18,394	50.9	86.1
Kerajaan dan lain-lain	10,191	149	32.1	0.7
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	115	-	0.4	-
Perlombongan dan kuari	10	-	0.0	-
Jumlah	31,764	21,364	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada semua terbitan baru sekuriti hutang swasta yang disenaraikan dan tidak disenaraikan, termasuk Sekuriti bersandarkan gadaijanji kediaman yang diterbitkan oleh Cagamas dan termasuk Nota Jangka Pertengahan.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, kadar hasil bon berdaulat tempatan bagi tempoh matang yang lebih pendek meningkat seiring dengan peningkatan OPR. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) bagi tempoh satu tahun meningkat 74 mata asas (Januari – Julai 2009: -83 mata asas). Namun begitu, kesan peningkatan OPR ke atas kadar hasil bagi tempoh matang yang lebih panjang dikurangkan oleh jangkaan inflasi yang rendah berikutan prospek ekonomi domestik yang bertambah baik. Tambahan pula,

keadaan global yang tidak menentu meningkatkan permintaan bagi aset berisiko rendah, termasuk sekuriti Kerajaan bertempoh matang panjang. Ini menyebabkan kadar hasil SKM untuk tempoh 5 dan 10 tahun menyusut 38 mata asas dan 37 mata asas (Januari – Julai 2009: 69 mata asas; 105 mata asas). Pegangan asing dalam SKM juga melonjak 99.8% kepada RM62.0 bilion, merangkumi 24.2% daripada jumlah keseluruhan SKM terkumpul (akhir Julai 2009: -27.6%; RM31.0 bilion; 13.3%).

Kadar hasil PDS bagi sekuriti hutang bertaraf tinggi menunjukkan trend yang menurun seiring dengan trend penanda aras sekuriti kerajaan. Begitu juga, kadar hasil bagi sekuriti yang diberikan penarafan lebih rendah dengan taraf kredit A dan ke bawah merosot sedikit daripada kadar yang direkodkan pada tahun 2010. Ini mencerminkan kesediaan pelabur untuk menanggung risiko yang lebih tinggi berikutan asas ekonomi yang bertambah kukuh. Justeru itu, spread kadar hasil bagi kredit bertaraf AAA dan A1/A+ berbanding SKM-5 tahun mengecil sebanyak enam mata asas kepada 298 mata asas bagi tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: 1 mata asas; 306 mata asas). Namun begitu, spread kadar hasil bagi bon bertaraf lebih rendah kekal tinggi disebabkan oleh kemungkinan risiko kemungkiran yang lebih besar.

Prestasi FBM KLCI mengukuh...

Pasaran ekuiti kekal berdaya tahan dalam tempoh lapan bulan pertama 2010 walaupun volatiliti di pasaran global meningkat. Sentimen pasaran telah terjejas oleh pelbagai penunjuk yang bertentangan dalam ekonomi dunia, termasuk prestasi ekonomi AS yang lemah, masalah hutang berdaulat di beberapa negara Eropah dan prestasi ekonomi Asia yang lebih baik serta pendapatan korporat yang meningkat dan harga komoditi yang lebih tinggi. Indeks Komposit Kuala Lumpur *Financial Times Stock Exchange* (FTSE) Bursa Malaysia (FBM KLCI) meningkat 3.8% atau 47.8 mata kepada 1,320.57 mata pada akhir Mac 2010 (akhir Disember 2009: 5.9%; 70.7 mata; 1,272.78 mata), disokong oleh pertumbuhan ekonomi dan ringgit yang lebih kukuh serta harga komoditi yang meningkat.

Namun begitu, pada suku kedua pasaran terus lembap ekoran kebimbangan yang meningkat terhadap krisis hutang berdaulat Eropah, langkah kredit yang lebih ketat oleh China serta ketegangan politik di antara Korea Utara dan Korea Selatan. FBM KLCI merekodkan paras penutupan yang terendah dalam tempoh lapan bulan pertama 2010, iaitu 1,248.94 mata pada 26 Mei 2010. Berikutan peningkatan sentimen pelabur yang diperkukuhkan oleh pemulihan di pasaran AS dan prestasi ekonomi yang lebih baik di rantau ini, FBM KLCI melonjak kembali kepada 1,463.50 mata sehingga akhir September 2010 (akhir September 2009: 1,202.08 mata).

Nilai permodalan pasaran meningkat 25.5% kepada RM1,122.11 bilion pada lapan bulan pertama 2010 (akhir Ogos 2009: 7.3%; RM893.86 bilion). Ini disebabkan oleh harga saham beberapa syarikat awam tersenarai yang bertambah baik, disokong oleh pendapatan korporat yang melebihi jangkaan. Walau bagaimanapun, jumlah urus niaga pasaran menyusut 12.9% kepada 153.3 bilion unit dalam tempoh tersebut (Januari – Ogos 2009: 61.1%; 176.0 bilion unit) disebabkan oleh penyertaan pelabur yang berkurangan secara keseluruhan berikutan ketidaktentuan pasaran dan peningkatan volatiliti di pasaran global. Sebaliknya, jumlah nilai urus niaga pasaran meningkat 10.0% kepada RM222.4 bilion (Januari – Ogos 2009: -16.2%; RM202.2 bilion). Halaju dan volatiliti pasaran berkurangan kepada 31.0% dan 9.2% (Januari – Ogos 2009: 38.0%, 15.0%). Jumlah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia adalah sebanyak 963 pada akhir Ogos 2010 (akhir Ogos 2009: 958 syarikat) berikutan penyenaian 19 syarikat baru (akhir Ogos 2009: 6 syarikat), sementara 16 syarikat telah keluar senarai rasmi.

Dalam usaha memajukan lagi pasaran modal, mulai 19 April 2010, kesemua firma awam tersenarai dikehendaki menawarkan penggunaan e-dividen kepada pemegang saham bagi meningkatkan kecekapan dalam pembayaran dividen secara terus ke dalam akaun bank pemegang saham melalui sistem pembayaran elektronik. Sehingga 30 Jun 2010, daripada 1.9 juta akaun aktif yang diselenggara di *Bursa Malaysia Depository*, pendaftaran untuk e-dividen telah melebihi 28%. Di samping itu, pada 17 Ogos 2010, kemudahan Pembayaran Saham Elektronik bagi urus niaga

JADUAL 5.11

Bursa Malaysia: Penunjuk Indeks Terpilih Januari – Ogos

	2009	2010
Indeks harga¹		
FBM KLCI	1,171.28	1,422.49
FBMEMAS	7,924.05	9,482.65
FBM 100	7,707.52	9,279.63
FBM SCAP	9,812.20	11,141.90
FBM-ACE ⁵	4,145.53	3,694.55
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	176,006.67	153,313.75
Nilai (RM juta)	202,211.29	222,357.79
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	1,066.71	923.58
Nilai (RM juta)	1,225.52	1,399.75
Permodalan pasaran ¹ (RM bilion)	893.86	1,122.11
Jumlah syarikat disenarai¹		
Pasaran Utama ³	841	846
Pasaran ACE ⁴	117	117
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	22.6	19.8
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	37.7	38.8

¹ Akhir tempoh.

² Berdasarkan urus niaga pasaran sahaja semasa tempoh.

³ Berkuat kuasa pada 3 Ogos 2009, Papan Utama digabungkan dengan Papan Kedua menjadi satu papan tunggal yang dikenali sebagai Pasaran Utama.

⁴ Pasaran ACE dikenali sebagai Pasaran MESDAQ sebelum 3 Ogos 2009.

⁵ FBM-ACE dikenali sebagai FBM-MDQ sebelum 3 Ogos 2009.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bursa Malaysia.

saham telah diperkenalkan untuk menggalakkan lagi penggunaan e-bayaran dalam pasaran saham. Melalui e-bayaran saham, hasil jualan saham kini boleh dibayar terus oleh broker saham ke dalam akaun pelabur. Pelabur menikmati akses dana mereka dengan lebih cepat kerana wang dimasukkan ke dalam akaun bank pada hari yang sama.

Pada 23 September 2010, Malaysia telah dinaik taraf daripada pasaran membangun sekunder kepada pasaran membangun ke hadapan dalam Siri Indeks Ekuiti Global FTSE. Ini menekankan pengiktirafan global terhadap rangka kerja pengawalseliaan pasaran modal Malaysia dan menarik penyertaan antarabangsa yang lebih besar dalam pasaran Malaysia. Pada masa yang sama, *Bursa Malaysia Securities Berhad* dan platform dagangan elektroniknya telah diiktiraf sebagai "Pasaran Sekuriti Luar Pesisir Diperakui" oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa AS. Pengiktirafan ini akan memudahkan proses dagangan untuk pelabur yang berpusat di AS.


Di peringkat serantau, Malaysia menyertai 10 negara lain sebagai destinasi pelaburan di bawah skim QDII yang ditadbir oleh Suruhanjaya Pengawalseliaan Perbankan China (CBRC). Ini membuka jalan kepada institusi pengurusan dana dan sekuriti dari China melabur dalam pasaran modal Malaysia. Sementara itu, empat bursa ASEAN, iaitu Bursa Malaysia, Bursa Saham Filipina (PSE), Bursa Saham Singapura (SGX) dan Bursa Saham Thailand (SET) telah menandatangani Surat Niat dengan *New York Stock Exchange (NYSE) Technologies* untuk menubuhkan Rangkaian Perdagangan Elektronik ASEAN bagi memudahkan urus niaga rentas sempadan.

Pasaran derivatif menyusut...

Pasaran derivatif menyusut 11.1% kepada 3.4 juta kontrak dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: 5.3%; 3.8 juta kontrak). Urus niaga hadapan FBM KLCI dan minyak sawit mentah (CPO) terus mendominasi pasaran derivatif di mana ia merangkumi 97.8% daripada jumlah dagangan (Januari – Julai 2009: 97.7%).

CARTA 5.7


Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia¹ (SKM)



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.8


Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5-tahun¹



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.9


Prestasi Bursa Malaysia



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.10


Bursa Malaysia: Permodalan Pasaran¹, Halaju dan Volatiliti



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.11


Prestasi Pasaran Saham Terpilih (Akhir 2009 – Akhir September 2010)



Sumber: Bloomberg.

CARTA 5.12

Sumber Dana Modal Teroka



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Volum dagangan niaga hadapan CPO menurun 8.7% kepada 2.2 juta kontrak (Januari – Julai 2009: 39.5%; 2.3 juta kontrak), disumbangkan oleh dagangan CPO dalam julat yang kecil pada RM456 setan metrik bagi tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: RM1,093 setan metrik). Harga purata penanda aras niaga hadapan CPO 3-bulan meningkat kepada RM2,502 setan (Januari – Julai 2009: RM2,177 setan), sejajar dengan kenaikan harga minyak sawit mentah serta stok CPO yang semakin berkurangan. Dagangan di pasaran niaga hadapan FBM KLCI mencatatkan penurunan 15.0% kepada 1.2 juta kontrak (Januari – Julai 2009: -23.6%; 1.4 juta kontrak), disebabkan oleh berkurangnya volatiliti dalam indeks asas.

Dalam usaha mempromosi pasaran derivatif, *Bursa Malaysia Derivatives* (BMD) telah beralih dari *Derivative Clearing System* sedia ada untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik serta memperbaiki beberapa kelemahan, termasuk penyenaian kontrak opsyen dan kontrak dalam denominasi dolar AS. Pada 20 September 2010, BMD telah memindahkan semua produk derivatifnya kepada platform dagangan *Chicago Merchantile Exchange (CME) Group Globex* bagi membolehkan produk BMD diedarkan kepada pengguna global platform *CME Globex*. Ini akan meningkatkan lagi akses kepada produk derivatif Malaysia oleh pelabur tempatan dan antarabangsa serta menyumbang kepada peningkatan dalam volum dagangan.

Industri unit amanah berkembang...

Pertumbuhan **industri unit amanah** yang menggalakkan adalah dicerminkan dengan pelancaran 16 dana baru dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 menjadikan jumlah dana sebanyak 557 (akhir 2009: 541 dana). Jumlah unit dalam edaran meningkat 5.5% kepada 289.0 bilion unit (akhir 2009: 15.9%; 273.9 bilion unit), manakala bilangan akaun bertambah 1.7% kepada 14.3 juta (akhir 2009: 8.1%; 14.1 juta). Saiz industri unit amanah dari segi nilai aset bersih (NAV) meningkat 10.4% kepada RM211.7 bilion yang meliputi 19.4% daripada permodalan pasaran di Bursa Malaysia sehingga akhir Julai 2010 (akhir 2009: 47.0%; RM191.7 bilion; 19.2%).

JADUAL 5.12

Industri Dana Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2009	Akhir Julai 2010
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	39	39
Jumlah dana unit amanah ¹	541	557
Konvensional	397	409
Islam	144	148
Unit dalam edaran (juta)	273,879	289,014
Bilangan akaun (juta)	14.1	14.3
Jumlah aset bersih (NAV) (RM juta)	191,706	211,719
Konvensional	169,626	189,018
Islam	22,080	22,701
NAV/Permodalan pasaran Bursa Malaysia (%)	19.2	19.4

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dana ekuiti merupakan pilihan utama pelaburan dengan jualan bersih RM14.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 berbanding dengan dana bon dan dana pendapatan tetap yang berjumlah RM2.2 bilion.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, sebanyak 26 dana baru telah dilancarkan bagi pelaburan dalam pasaran asing, di mana 22 dana telah melabur sebanyak RM0.8 bilion. Sehingga akhir Julai 2010, sejumlah 223 dana telah melabur RM18.2 bilion di pasaran luar negara yang mewakili 8.6% daripada jumlah NAV industri.

Prestasi **industri amanah pelaburan harta tanah (REIT)** kekal stabil dalam tempoh enam bulan pertama 2010. Walaupun volum dagangan merosot 6.2% kepada 314.3 juta unit, nilai dagangan mencatat peningkatan 30.2% kepada RM403.1 juta (Januari – Jun 2009: 10.9%, 335.3 juta unit; -5.3%, RM309.5 juta). Dalam tempoh yang sama, tiga REIT baru telah disenaraikan di Bursa Malaysia dengan nilai keseluruhan RM400.0 juta. Pada akhir Jun 2010, nilai permodalan pasaran bagi 14 REIT meningkat 6.8% kepada RM5.6 bilion (akhir 2009: RM5.3 bilion).

Bilangan dana dagangan bursa (ETF) meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 berikutan kelulusan dua ETF baru, iaitu Indeks *FTSE Xinhua China 25* dan Indeks *FTSE ASEAN 40*. Pada akhir Julai 2010, terdapat lima ETF tersenarai di Bursa Malaysia dengan nilai permodalan pasaran sebanyak RM1.2 bilion.

Dana VC meningkat...

Dalam tempoh enam bulan pertama 2010, **industri modal teroka (VC)** terus berkembang dengan bilangan syarikat modal teroka (VCC) dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC)

yang berdaftar bertambah kepada 58 dan 55 (Januari – Jun 2009: 56 VCC; 52 VCMC). Jumlah pelaburan VC meningkat 34.1% kepada RM2.6 bilion pada akhir 2009 (akhir 2008: 8.1%; RM1.9 bilion) dengan sektor teknologi maklumat dan komunikasi merangkumi 32.5% daripada jumlah pelaburan, sains hayat (20.9%), pembuatan (19.7%) dan sektor lain (26.9%). Selaras dengan ini, jumlah dana komited meningkat 17.1% kepada RM5.4 bilion (akhir 2008: 38.1%; RM4.6 bilion), dengan entiti Kerajaan kekal sebagai penyumbang terbesar sumber dana VC berjumlah RM2.8 bilion dan merangkumi 52.9% daripada jumlah dana (akhir 2008: RM2.2 bilion; 47.8%).

Langkah Utama Pasaran Modal

Beberapa langkah telah diambil dalam tempoh sembilan bulan pertama 2010 untuk mempertingkatkan lagi kecairan dan kecekapan dalam pasaran modal, termasuk:

- Pada **12 Januari**, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah memberi lesen broker saham kepada *Citigroup* untuk meningkatkan lagi pengantaraan aliran masuk pelaburan terutamanya dari Timur Tengah, serta mengambil manfaat dari pengalaman dan kepakaran.
- Pada **8 Februari**, empat bursa ASEAN iaitu Bursa Malaysia, Bursa Saham Filipina (PSE), Bursa Saham Singapura (SGX) dan Bursa Saham Thailand (SET) telah menandatangani Surat Niat dengan *New York Stock Exchange (NYSE) Technologies* untuk merekabentuk satu penyelesaian teknologi bagi Rangkaian Perdagangan ASEAN. Rangkaian Perdagangan ini akan menghubungkan secara elektronik pasaran ekuiti yang terlibat dan memudahkan dagangan rentas sempadan. Pelabur dan ahli bursa-bursa ASEAN yang terlibat akan dapat berdagang dalam pelbagai pasaran ASEAN dari negara domisil mereka.
- Pada **19 April**, semua pemegang akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) dengan Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. digalakkan untuk memberi maklumat akaun bank mereka kepada broker saham supaya mendapat faedah daripada pelancaran e-dividen. Melalui e-dividen, pemegang saham akan memperoleh dividen secara tunai yang dibayar terus ke dalam akaun bank mereka oleh syarikat awam tersenarai (PLC).
- Pada **1 Jun**, SC meminda Garis Panduan Dana Unit Amanah (GUTF) bagi memudahkan struktur pelbagai kelas bagi dana unit amanah, memberikan para pelabur lebih kelonggaran serta membantu pertumbuhan tawaran rentas sempadan bagi unit amanah Malaysia. Dengan pindaan tersebut, sebuah dana unit amanah tunggal kini boleh menawarkan pelbagai kelas unit amanah dalam satu kumpulan pelaburan, dengan setiap kelas unit mempunyai ciri-ciri yang berbeza seperti yuran dan caj yang dikenakan dan mata wang yang dipilih.
- Pada **23 Jun**, SC dan Suruhanjaya Pengawalseliaan Perbankan China (CBRC) menandatangani Surat Pertukaran bagi kerjasama pengawalseliaan berkaitan urus niaga pengurusan harta oleh bank komersial China. Berikutan itu, Malaysia telah menyertai 10 negara lain sebagai destinasi pelaburan yang diluluskan di bawah skim Pelabur Institusi Domestik Berkelayakan China (QDII) yang ditadbir oleh CBRC. Dengan kelulusan Malaysia sebagai destinasi pelaburan QDII, akan terdapat aliran masuk dana dari negara China ke dalam pasaran modal Malaysia.

- Pada **17 Ogos**, SC, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Bursa Malaysia memperkenalkan kemudahan Bayaran Saham Elektronik bagi urus niaga saham untuk menggalakkan lagi penggunaan e-bayaran dalam pasaran saham. Inisiatif e-bayaran saham menandakan satu lagi usaha ke arah meningkatkan kecekapan sistem bayaran dan penyelesaian dalam pasaran modal. Dengan e-bayaran saham, hasil jualan saham kini boleh dibayar oleh broker saham terus ke dalam akaun pelabur. Pelabur menikmati akses dana mereka dengan lebih cepat kerana wang dimasukkan ke dalam akaun bank pada hari yang sama.
- Pada **20 September**, Bursa Malaysia telah memindahkan semua produk derivatif kepada *Chicago Mercantile Exchange (CME) Globex*, sebuah platform dagangan elektronik dari CME Group. Pemindahan ke CME *Globex* ini akan membolehkan pelabur global mempunyai akses produk *Bursa Malaysia Derivatives (BMD)* secara elektronik, terutamanya bagi kontrak tanda aras urusniaga hadapan minyak sawit (CPO) global. Pemindahan produk BMD kepada CME *Globex* akan memberi pendedahan yang meluas terhadap produk ini.

Prospek 2011

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan...

Momentum pertumbuhan dijangka kekal dengan ekonomi negara diunjur berkembang di antara 5.0% hingga 6.0% pada 2011, dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh serta disokong oleh sektor luar yang bertambah baik. Inflasi dijangka kekal sederhana. Kedudukan dasar monetari yang akomodatif akan dikekalkan untuk terus menyokong dan mengukuhkan aktiviti sektor swasta serta pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Aktiviti pemerolehan dana melalui sistem perbankan dan pasaran modal dijangka meningkat

sejajar dengan pertumbuhan pesat ekonomi, khususnya ketika negara sedang beralih kepada ekonomi maju dan berpendapatan tinggi. Seiring dengan ini, sektor swasta dijangka akan menerajui tranformasi pertumbuhan ekonomi dengan Kerajaan berperanan sebagai fasilitator. Program Tranformasi Ekonomi (ETP) telah mengenalpasti perkhidmatan kewangan sebagai salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Perkhidmatan ini berpotensi menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi yang merangkumi beberapa projek titik permulaan dan peluang perniagaan. Tambahan pula, dengan Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal akan berakhir menjelang hujung tahun 2010, dua pelan tindakan baru akan diumumkan pada tahun 2011 untuk menentukan hala tuju dan landskap baru bagi sektor kewangan dan pasaran modal.